

At-Ta'dib. Vol. 13. No. 1, June 2018

ISSN: 0216-9142

DOI: <http://dx.doi.org/10.21111/at-tadib.v13i1.1823>

Available online at:

<https://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tadib/index>

e-ISSN: 2503-3514

Domain Diri dalam Adab Guru Menurut Imam Abū Ḥanīfah (Kajian Ke Arah Membentuk Etika Profesion Perguruan Islam)

Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim
Universiti Sains Islam Malaysia
anuarmamat@usim.edu.my

**Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul
Rahman, Zawawi Ismail**
Universiti Malaya

Wan Suhaimi Wan Abdullah
Universiti Teknologi Malaysia

Che'Razi Jusoh
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Received March 26, 2018/Accepted June 24, 2018

Abstract

The rules of conduct for teachers is one of the important elements in Islamic education. It is closely associated with the effort to the realization of a quality education and an effective teaching. This article presents the personal domain in this topic as elaborated by Imam Abū Ḥanīfah in his educational treatises, namely *al-'Ālim wa al-Muta'allim*, *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, *Waṣīyyah Abū Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*, and *Waṣīyyah Abū Ḥanīfah ilā Tilmīdhī Yūsuf bin Khālid al-Samtī al-Baṣrī*. The authors found that there are seven elements in personal domain suggested by Abū Ḥanīfah in his educational treatises. These elements namely, sincerely in learning and teaching; pay attention in improving the deeds of taqwa, worship, fasting and reciting al-Quran; plan wisely in managing time, avoiding less important matters, optimizing learning, and self-esteem; being aware of God's attention, feeling the sufficiency of His gift, living in khauf (fear) and rajā '(hopefully) and kind thoughts about Him; keeping dignity and acting as a teacher by doing good things and be modest in every business; avoid bad and vain actions and always be enthusiastic in performing a job as a teacher. These elements are very important in teachers' profession. This

study is also intended to reveal this topic based on Islamic scholar thought in order to formulate the professional code of ethics for Islamic teachers and to solve ethical problems nowadays.

Keywords: *Abū Hanīfah, code of ethics, Islamic teachers, personal domain, Rules of conduct.*

A. Pendahuluan

Dewasa ini pelbagai isu pendidikan yang timbul adalah amat berkaitan rapat dengan persoalan etika guru pada pelbagai peringkat. Saban tahun kedengaran beberapa kesalahan etika yang melibatkan guru seperti salah laku moral dan gangguan seksual,¹³⁶ guru memukul murid sehingga mati,¹³⁷ guru penyebab pelajar ponteng sekolah,¹³⁸ guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India,¹³⁹ guru ditangkap khalwat dalam semak,¹⁴⁰ MARA menyiasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru,¹⁴¹ guru dipenjara dua tahun kerana memiliki filem lucah dan menyebarkan gambar lucah serta palsu terhadap pemimpin negara,¹⁴² ustaz ditahan kes tiga pelajar tahfiz cedera dirotan,¹⁴³ guru agama dipenjara dua tahun akibat melakukan kelucahan melampau terhadap pelajar,¹⁴⁴ guru terlibat dalam penipuan dan skim cepat kaya,¹⁴⁵ guru besar dijatuhi hukuman penjara dan denda atas tuduhan salah guna kuasa¹⁴⁶ dan yang agak terbaru ialah ustaz didakwa di mahkamah kerana memukul pelajar.¹⁴⁷ Walaupun kes-kes ini sebahagiannya masih dalam siasatan namun ia telah dilaporkan oleh media massa yang sedikit sebanyak menjejaskan pandangan masyarakat terhadap

¹³⁶ Berita Harian, 20 Julai 2011.

¹³⁷ Berita Harian, 2012.

¹³⁸ Berita Harian, 20 September 2013.

¹³⁹ Utusan, 3 Januari 2013.

¹⁴⁰ Sinar Harian, 8 Mac 2013.

¹⁴¹ Malaysiakini, 21 Mei 2015.

¹⁴² Harian Metro, 20 Julai 2016.

¹⁴³ Berita Harian, 29 Julai 2016.

¹⁴⁴ Berita Harian, 30 Julai 2016.

¹⁴⁵ Utusan, 6 Ogos 2016.

¹⁴⁶ Harian Metro, 27 Julai 2017.

¹⁴⁷ Berita Harian, 26 Disember 2017.

profesion keguruan dan para guru Islam khususnya.

Selain kes yang dilaporkan di dada akhbar seperti di atas, masalah etika guru dan suasana kerja guru juga menyumbang kepada beberapa masalah guru, terutamanya bebanan kerja mereka yang membawa tekanan perasaan (stress) dan mereka hampir tiada masa untuk bersama keluarga.¹⁴⁸ Kesemua isu tersebut secara langsung mahupun tidak berkait adalah rapat dengan etika perguruan. Semua masalah tersebut dapat diselesaikan jika guru amnya, khasnya guru pendidikan Islam mengamalkan adab dan etika perguruan dengan penuh komitmen sebagaimana yang digariskan oleh tradisi pendidikan Islam dan juga pihak berwajib.

Mengenai hal ini, kajian yang telah dilaksanakan juga membuktikan bahawa guru yang benar-benar menuruti adab dan mengamalkan etika perguruan sebagaimana yang sepatutnya akan menjamin dan meningkatkan profesionalisme mereka.¹⁴⁹ Profesionalisme keguruan ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan kecemerlangan diri para guru. Kajian lain turut menunjukkan bahawa guru agama yang profesional adalah mereka yang mementingkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas.¹⁵⁰ Dapatan kajian Kamarul Jazmi menunjukkan sifat amanah dan ikhlas adalah dua sifat paling utama (tertinggi) yang perlu ada pada guru dalam menjalankan hubungannya dengan Allah dan sesama manusia.¹⁵¹

Mengenai kepentingan etika profesion perguruan ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menggiatkan usaha untuk melakukan transformasi terhadap bidang pendidikan termasuklah perihal etika dan nilai dalam sistem pendidikan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia sebagai dokumen yang menjelaskan kualiti para

¹⁴⁸ Harian Metro, 21 September 2010.

¹⁴⁹ Foo Say Fooi. *Etika Perguruan Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2005).

¹⁵⁰ Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. *Keperibadian Guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah Kepada Allah S.W.T.: Satu Kajian Kes*. Dibentangkan dalam World Conference On Muslim Education 2009, di Blue Wave Hotel Shah Alam, Malaysia anjuran Kerajaan Negeri Selangor dan Islamic Akademy, Cambridge, UK.

¹⁵¹ *Ibid.*

guru. Antara kriteria penting guru yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia termasuklah guru yang mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka menjadi guru profesional yang berkesan dalam mendidik para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.¹⁵² Tambahan pula, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menjadi dasar kepada proses transformasi pendidikan, aspek nilai dan etika perguruan ini juga diberi penekanan.¹⁵³ PPPM 2013-2025 ini menggariskan sebelas anjakan yang menjadi teras utama transformasi sistem pendidikan. Antara yang berkait dengan etika perguruan ialah anjakan ketiga, melahirkan rakyat yang menghayati nilai dan juga anjakan keempat pula ialah mentransformasikan profesion perguruan.¹⁵⁴ Kedua-dua anjakan ini amat berkait rapat secara langsung dengan nilai dan etika yang akan diterapkan dalam proses pendidikan pada pelbagai tahap. Nilai dan etika ini dapat diterapkan dengan sempurna jika guru yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran turut mempunyai etika yang mereka amalkan dalam profesion keguruan mereka. Oleh yang demikian, makalah ini akan dibincangkan domain diri dalam adab guru menurut pemikiran tokoh sarjana Islam terkemuka iaitu imam Abū Ḥanīfah. Hasil analisis ini bertujuan ke arah membentuk etika profesion perguruan Islam berdasarkan tradisi pendidikan Islam daripada pemikiran para ulama' muktabar.

B. Adab Guru dan Kaitannya dengan Etika Profesi Perguruan.

Perihal nilai dan etika dalam kehidupan seseorang muslim dan secara khususnya penglibatan mereka dalam tugas, pekerjaan dan profesion menurut perspektif Islam merupakan cakupan dalam

¹⁵² Lihat, Bahagian Pendidikan Guru. *Standard Guru Malaysia*. (Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, 2009).

¹⁵³ Lihat, Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2103).

¹⁵⁴ *Ibid*.

perbahasan ilmu akhlak. Fahaman akhlak dalam Islam mempunyai konsep yang lebih komprehensif dan mendasar daripada fahaman etika dalam perspektif Barat.¹⁵⁵ Akhlak dalam Islam merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu atau kumpulan. Sifat ini boleh dimiliki melalui latihan, rangsangan atau sebagainya yang akhirnya menjadi adat atau tabiat. Akhlak dalam Islam meliputi dua dimensi iaitu batin atau kejiwaan dan zahir dalam bentuk perlakuan ke arah mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan abadi di akhirat.¹⁵⁶ Dalam pembahagian ilmu menurut Islam, ilmu akhlak ini merupakan salah satu komponen dalam ilmu fardu ain yang menjadi kewajipan setiap orang Islam memahami dan mengamalkannya.¹⁵⁷ Asas akhlak inilah mengandungi segala asas nilai dan etika atau juga disebut dalam beberapa penulisan yang lain sebagai adab dalam Islam. Al-Jurjānī misalnya, mentakrifkan adab sebagai pengetahuan yang akan mencegah manusia daripada melakukan pelbagai jenis kesilapan [dalam bidang yang diceburi] (*ma'rifah mā yaḥtarizu bihi 'an jamī' anwā' al-khaṭā'*).¹⁵⁸ Manakala bagi al-Attas pula, adab ialah pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan suatu hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta.¹⁵⁹ Dalam adab itu terkandung ilmu, hikmat dan juga keadilan dengan meletakkan sesuatu tepat pada tempatnya. Oleh yang demikian, adab inilah yang akan menggariskan satu pengetahuan dan amalan yang mampu mencegah manusia daripada tersalah atau tersasar daripada tujuan dan tugas sebenar mereka. Hal inilah yang ditetapkan oleh ajaran Islam dan menjadi akhlak serta kod etika setiap individu muslim tanpa mengira jawatan, pangkat, darjat, umur, tempat dan organisasi

¹⁵⁵ Syed Muḥammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin dalam Himpunan Risalah* (Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS, 2015), 123.

¹⁵⁶ *Ibid.*

¹⁵⁷ Muḥammad bin Muḥamad al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*. (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2011).

¹⁵⁸ Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī, *al-Ta'rīfāt*, ed. Muḥammad Bāsāl 'Uyūn al-Sawd (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 19.

¹⁵⁹ Syed Muḥammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin*, 123.

di mana mereka berkhidmat.

Manakala, etika pula membawa maksud prinsip moral atau nilai-nilai yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan seperti persatuan dan kelompok profesional yang menjadi nilai dan garis panduan yang harus dipatuhi.¹⁶⁰ Etika juga merujuk kepada disiplin falsafah yang memberikan perhatian khusus kepada penilaian kritikal terhadap norma dan piawai yang mewajarkan kelakuan perseorangan serta antara individu.¹⁶¹ Dalam bahasa Inggeris, *ethics* yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu "*ethos*" membawa maksud ilmu tentang apa yang dapat dilakukan atau ilmu tentang adat kebiasaan.¹⁶² *Ethos* juga merujuk kepada karektor atau sikap.¹⁶³ Perkataan "*ethics*" atau *etika* dari segi istilah pula merujuk kepada satu kajian yang bersifat falsafah terhadap konsep moral. Istilah ini mencakupi perspektif nilai (*values*), sifat murni (*virtues*), prinsip (*principles*) dan praktis (*practices*) walaupun dalam cara berbeza berdasarkan rasional akal.¹⁶⁴ Seterusnya menurut Pelan Integriti Nasional Malaysia, etika ditakrifkan sebagai "*suatu himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesion*".¹⁶⁵ Berdasarkan pernyataan ini dapat difahami bahawa etika boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu etika individu, etika organisasi dan etika profesion. Etika profesion yang dibincangkan dalam makalah ini merujuk kepada kod yang menggariskan apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat oleh pengamal profesion berkenaan. Oleh itu, dalam konteks profesion perguruan, ia membawa maksud satu himpunan nilai dan tingkahlaku yang perlu para guru amalkan dan lazimi sebagai seseorang guru berhadapan dengan para pelajar, rakan sejawat, pentadbir dan juga para ibu bapa demi memelihara standard dan

¹⁶⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, edisi 4 (Kuala Lumpur: DBP, 2015).

¹⁶¹ Abdul Rahman Md. Aroff, *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral* (Serdang: UPM, 2008), 9.

¹⁶² Bertens, K, *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi* (Kuala Lumpur: UM, 2003), 2; Sharifah Hayaati Ismail Al-Qudsy, *Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: DBP, 2010), 3

¹⁶³ Ahmad Sunawari Long, *Pengantar Falsafah* (Selangor: Penerbit UKM, 2006).

¹⁶⁴ *Ibid.* Sharifah Hayaati, *Etika Penjawat Awam*, 3

¹⁶⁵ INTAN. *Pelan Integriti Nasional*. (Kuala Lumpur: INTAN, 2006), 17.

profesionalisme mereka. Ia merangkumi prinsip tingkahlaku yang perlu diamalkan dan juga tingkahlaku yang perlu dielakkan.¹⁶⁶

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa akhlak atau adab merupakan perkara yang penting dan asas kepada tingkahlaku umat Islam termasuk juga mereka yang terlibat dalam sesuatu pekerjaan atau sesebuah profesion. Ia mengandungi makna yang lebih komprehensif berbanding faham etika. Ia juga membekalkan garis panduan dan amalan kepada mereka yang terlibat dalam bidang terbabit untuk menjamin profesion tersebut berkualiti dan memenuhi hakikat dan tujuan sebenar profesion mereka sebagaimana yang difahami juga daripada maksud etika profesion. Merujuk bidang pendidikan umpamanya, sama ada pengajaran mahupun pembelajaran, persoalan adab ini merupakan suatu topik amat penting dan mendapat perhatian yang sewajarnya oleh para ulama' Islam.¹⁶⁷ Mereka menjelaskan dengan terperinci perihal ini melalui pelbagai karya mereka khasnya berkaitan *adab al-'ālim wa al-muta'allim*. Namun, akhir-akhir ini, tidak banyak kajian yang dilakukan dalam bidang tersebut lebih-lebih lagi kajian untuk menonjolkan adab guru yang digariskan oleh para pemikir agung pendidikan Islam dan merumuskannya sebagai asas kepada etika profesion perguruan Islam. Hal ini disebabkan para sarjana Islam bersepakat bahawa adab ini merupakan panduan kepada para guru dan murid yang akan membawa mereka mencapai matlamat pendidikan Islam yang sebenar serta menghindarkan mereka pula daripada tersalah dalam proses tersebut.¹⁶⁸ Khazanah pemikiran yang telah wujud ini harus diketengahkan dalam konteks yang sesuai dengan isu dan keperluan etika perguruan pada masa kini. Oleh yang demikian, makalah ini akan menganalisis pemikiran Imam Abū

¹⁶⁶ Mohd Anuar Mamat, "Etika Perguruan untuk Guru Pelatih Pendidikan Islam", dalam *Panduan Latihan Mengajar Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Program Pendidikan Islam APIUM, 2017), 104.

¹⁶⁷ Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-'Alim wa al-Muta'allim*. (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2016).

¹⁶⁸ Yaḥyā Ḥasan 'Alī Murād, *Ādāb al-'Ālim wa al-Muta'allim 'inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 30-4; Sebastian Gunther, *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*, (Leiden: Brill, 2005), 90-1.

Ḥanīfah khususnya tentang domain diri yang menjadi asas kepada adab guru menurut Islam. Hasil analisis tersebut akan menjadi sumber utama ke arah membentuk etika profesion perguruan Islam khususnya domain diri kepada para guru Pendidikan Islam di pelbagai peringkat sistem pendidikan.

C. Biografi Imam Abu Hanifah dan Karyanya dalam Pendidikan.

Imam Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) merupakan sarjana Islam yang dikenali dan ketokohnya dikagumi sepanjang zaman. Beliau ialah al-Nu'mān bin Thābit bin Zuṭa bin Māh al-Taymī al-Kūfī, atau menurut suatu riwayat lain ialah al-Nu'mān bin Thābit bin al-Nu'mān bin al-Marzubān. Beliau lahir pada tahun 80H/699M, semasa zaman khalifah 'Abd al-Malik bin Marwān dan meninggal dunia di Baghdād pada tahun 150H/767M, ketika berumur 70 tahun.¹⁶⁹ Sepanjang kehidupan, beliau menumpukan perhatian dalam mendalami dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam melalui penglibatan aktif beliau dalam bidang pengajaran. Komitmen dan kesungguhan beliau diakui oleh para sarjana Islam sehingga beliau diiktiraf mempunyai ketokohan dalam pelbagai lapangan ilmu khususnya fiqh,¹⁷⁰ akidah¹⁷¹ dan juga pendidikan.¹⁷² Tambahan pula beliau juga turut

¹⁶⁹ Biografi Imam Abū Ḥanīfah berserta pelbagai rujukan berkaitan sama ada karangan sarjana Islam terdahulu mahupun sekarang telah dikemukakan oleh penulis dalam beberapa makalah dan buku yang diterbitkan sebelum ini. Oleh itu, dalam penulisan ini, hanya dikemukakan latar belakang beliau secara ringkas sahaja sebagai pengenalan umum. Untuk maklumat lanjut lihat, Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah dalam Kitab *al-'Ālim wa al-Muta'allim*", *AFKAR* 11 (2010), 129-166; Mohd Anuar Mamat, "Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan", *Jurnal Usuluddin* 37 (2013), 1-32; Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-'Ālim wa al-Muta'allim*. (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2016).

¹⁷⁰ Antara kajian berkaitan ketokohan Abū Ḥanīfah dalam bidang fiqh ialah, Muḥammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuhū, wa 'Aṣruhū wa Ārā'uhū wa Fiqhuhū* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.); Wahbi Sulaymān Ghāwījī al-Albānī, *Abū Ḥanīfah al-Nu'mān: Imām al-'Immah al-Fuqahā'* (Dimashq: Dār al-Qalam, 1978); dan sebagainya.

¹⁷¹ Antaranya kajian berkaitan ketokohan Abū Ḥanīfah dalam bidang akidah ialah, 'Ināyat Allāh Iblāgh, *al-Imām al-'Aẓam Abū Ḥanīfah al-Mutakallim* (Mesir: al-Majlis al-'Alī li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1971); dan sebagainya.

¹⁷² Aymān Muḥammad 'Abd al-'Azīz, *al-Turāth al-Tarbawī fi al-Madhab al-Ḥanafī*, (Iskandariyyah: Maktabah al-'Ilm wa al-Imān, 2008), 10: Fāḍil 'Abbās 'Alī al-Najādī, *Ādāb al-'Ālim wa al-Muta'allim fi Turāth al-'Arabī wa al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2012), 509.

menghasilkan sebanyak 23 karya utama¹⁷³ dalam disiplin tersebut, termasuklah dua karya penting dalam bidang pendidikan seperti *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*¹⁷⁴ dan siri *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah*.

Kesemua karya beliau itu adalah sah penisbahannya di sisi para sarjana muktabar seperti Ibn al-Nadīm (m.380H/990M),¹⁷⁵ al-Isfarāyīnī (m.471H/1078M),¹⁷⁶ al-Muwaffaq al-Makkī (m.568H/1172M),¹⁷⁷ Ḥāfiẓ al-Dīn Muḥammad al-Kurdarī (m.827H/11423M),¹⁷⁸ Ḥājī Khalīfah (m.1067H/1656M)¹⁷⁹ dan Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī al-Bābānī (m.1339H/1920M).¹⁸⁰ Al-Isfarāyīnī umpamanya mengatakan bahawa periwayatan karya-karya tersebut adalah boleh dipercayai (*thiqah*), dengan jalan yang yakin dan rantaian sanad yang tepat (*ṣaḥīḥ*).¹⁸¹ Bahkan al-Muwaffaq al-Makkī dan al-Kurdarī sendiri ada menukulkan sebahagian teks *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* serta siri *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah* dalam karangan mereka.¹⁸²

Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* memaparkan suatu catatan dialog pengajaran antara Abū Ḥanīfah dengan salah seorang

¹⁷³ Lihat senarai karya beliau dalam, Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya‘qūb Isḥāq al-Nadīm, *al-Fihrist*, ed. Yūsuf ‘Alī Ṭawīl (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), 343; Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1982), 1437; Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-‘Ārifīn: Asmā’ al-Mu‘allaḥīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1955), 2:495, Carl Brockelmann, *Tārīkh al-Adab al-‘Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Hijāzī (Kaherah: Hai‘ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1993) 252; Fuat Sezgin, *Tārīkh al-Turāth al-‘Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Hijāzī (t.tp: Idārah al-Thāqafah wa al-Nashr bi al-Jāmi‘ah, 1983), 1:32.

¹⁷⁴ Mengenai karya pendidikan Abū Ḥanīfah dan analisis pemikiran pendidikan dalam kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* lihat, Mohd Anuar Mamat. “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, Terjemahan dan Analisis”. Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012. Lihat juga, Mohd Anuar dan Wan Suhaimi, “Tujuan Pendidikan Dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah”, 129-166.

¹⁷⁵ Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, 343.

¹⁷⁶ Abū al-Muẓfir al-Isfarāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah ‘an Firqah al-Hālikīn*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (t.tp.: Maṭba‘ah al-Anwār, 1940), 113.

¹⁷⁷ Al-Muwaffaq bin Aḥmad al-Makkī, *Manāqib Abī Ḥanīfah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī 1981), 76 dan 86.

¹⁷⁸ Ḥāfiẓ al-Dīn bin Muḥammad al-Kurdarī, *Manāqib Abī Ḥanīfah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1981), 122.

¹⁷⁹ Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn*, 1437.

¹⁸⁰ Al-Bābānī, *Hadiyyah*, 495.

¹⁸¹ Al-Isfarāyīnī, *al-Tabṣīr*, 113-4.

¹⁸² Lihat al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 76, 86 dan 370-378; al-Kurdarī, *Manāqib*, 159, 365-370.

murid beliau iaitu Abū Muṭī' (m.197H/812M).¹⁸³ Ia memuatkan perbincangan terperinci mengenai persoalan akidah dan perkara-perkara asas agama. Ia juga mengandungi beberapa perbincangan berkaitan beberapa aspek falsafah pendidikan dan pengajaran khasnya persoalan tujuan pendidikan dan kaedah pengajaran. Berdasarkan paparan dialog yang dicatatkan dalam kitab ini, ia jelas menyebut Abū Ḥanīfah sebagai guru (*mu'allim*) dan ini cukup untuk membuktikan bahawa idea dan pemikiran utama yang terkandung dalam kitab ini adalah dari Abū Ḥanīfah dan walaupun beliau tidak menulisnya, namun ia diriwayatkan secara langsung oleh muridnya yang bertindak sebagai *muta'allim* dalam karya ini.¹⁸⁴

Siri *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah* pula merujuk kepada pesanan yang disampaikan oleh Abū Ḥanīfah kepada para pelajarnya sama ada secara khusus ataupun umum. Antara karya yang bertajuk *Waṣīyyah* ialah *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*,¹⁸⁵ *Waṣīyyah Abū Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*,¹⁸⁶ dan *Waṣīyyah Abū Ḥanīfah ilā Tilmīdhīhi Yūsuf bin*

¹⁸³ Beliau ialah al-Ḥakam bin 'Abd Allāh bin Salamah bin 'Abd al-Raḥmān, dikenali sebagai Abū Muṭī' al-Balkhī. Beliau merupakan salah seorang murid Abū Ḥanīfah yang meriwayatkan kitab *al-Fiqh al-Akbar II* dan juga salah seorang nama yang tercatat dalam rantaian perawi kitab *al-'Ālim wa al-Muta'allim*. Beliau meninggal dunia pada tahun 197H ketika berumur 84 tahun. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau lihat, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl fi Naqd al-Rijāl*, ed. 'Alī Muḥammad al-Bajāwī (Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.), 1:574; al-Kurdārī, *Manāqib*, 515; Qutlubaghā, Zayn al-Dīn, *Tāj al-Tarājum fi Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah* (Baghdad: Maṭba'ah al-'Ānī, 1962), 87.

¹⁸⁴ Untuk penjelasan lanjut mengenai kitab ini dan pemikiran pendidikan Abū Ḥanīfah lihat, Mohd Anuar Mamat, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran menurut Abū Ḥanīfah (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-'Ālim wa al-Muta'allim*, Terjemahan dan Analisis," (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2012).

¹⁸⁵ Wasiat ini dikenali dengan *Waṣīyyah 'UẒmā*. Wasiat ini telah dinukilkan oleh beberapa orang sarjana Islam dalam penulisan mereka seperti al-Kurdārī, Ibn Nujaym dan Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir di samping sejumlah manuskrip yang masih lagi tersimpan di beberapa buah perpustakaan dunia. Untuk melihat teks awal *Waṣīyyah* ini rujuk, al-Muwaffaq bin Aḥmad al-Makkī, *Manāqib Abī Ḥanīfah*, 370-378; al-Kurdārī, *Manāqib Abī Ḥanīfah*, 365-370; Zin al-Dīn bin Ibrāhīm bin Nujaym, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'aṣar, t.t.), 428-434; Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fi Tarājum al-Ḥanafīyyah*, ed. 'Abd al-Fattāh Muḥammad al-Ḥilw (Riyad: Dār al-Rifa'ī, 1983), 160-169. Lihat juga, Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*", *TAFHIM* 7 (2014), 97-130.

¹⁸⁶ *Waṣīyyah* ini adalah wasiat Abū Ḥanīfah kepada anaknya Ḥammād dan telah dihuraikan oleh 'Uthmān bin Muṣṭafā dalam karya bertajuk *Zabdat al-Naṣā'ih*. Hanya satu versi cetakan sahaja yang ditemui, iaitu versi terjemahan dalam Bahasa Urdu yang diterbitkan di Lahor, Pakistan. Secara umumnya, *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād* mengetengahkan adab-adab yang sepatutnya dilazimi oleh seseorang muslim khasnya para pelajar yang mendalami ilmu

Khālid al-Samtī al-Baṣrī.¹⁸⁷ Kesemua *Waṣīyyah* tersebut merupakan untaian nasihat beliau kepada anak dan pelajarnya setelah mereka tamat pengajian dalam tempoh waktu tertentu dan berhasrat untuk pulang ke negara masing-masing. Kandungannya berkisar tentang adab guru dan pelajar, tujuan pendidikan, dan tatacara pergaulan dengan masyarakat serta menjelaskan ia amat berkait rapat dengan perbincangan adab dan etika perguruan.

D. Kriteria Domain Diri dalam Adab Guru Menurut Imam Abu Hanifah.

Pada bahagian ini, perbincangan akan memfokuskan kepada domain diri dalam adab guru menurut Abū Ḥanīfah. Perbincangan mengenai hal ini adalah bersumberkan karya pendidikan beliau yang dikemukakan di atas di samping beberapa sokongan lain daripada riwayat yang dikemukakan oleh ahli sejarah dan penulis *manāqib*. Dalam makalah ini, hanya domain diri dalam adab guru sahaja yang dibincangkan secara mendalam disebabkan ia merupakan bahagian paling asas dan amat ditekankan oleh Abū Ḥanīfah secara khusus dan juga melengkapkan perbincangan penulis dalam makalah sebelum ini.¹⁸⁸ Domain diri ini merujuk kepada pegangan nilai diri guru

agama. Abū Ḥanīfah menggariskan sebanyak dua puluh adab yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia untuk menjamin kebahagiaan sebenar dapat dikecapi. Untuk maklumat dan sedikit ulasan terhadap risalah ini, lihat Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 261; dan Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 48; Abū Ḥanīfah, *Imām A'zam Kay Waṣīyyatīn Awr NaṣīḤatīn*, ed. Muftī Rashīd AḤmad al-'Alawī (Lahor: Maktabah Dār al-Ma'ārif al-'Alawīyyah, 2005), 63-82. Penulis telah selesai menyunting wasiat ini dan terjemahan Melayu juga telah diterbitkan. Lihat, Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdullah, "*Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnīhi Ḥammād*: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan", *Jurnal Usuluddin* 41 (2015): 95-123.

¹⁸⁷ Teks wasiat ini telah dikemukakan oleh al-Kurdārī dalam karyanya bertajuk *Manāqib Abī Ḥanīfah*, penulis belum lagi menemui edisi yang telah disunting dan yang telah dicetak. Namun, manuskrip risalah ini telah ditemui oleh penulis di Suleymanīya Kutuphansi, Istanbul dalam koleksi manuskrip Asir Afendi, no. 437, folio 8A-9A. Untuk maklumat dan sedikit ulasan terhadap wasiat ini lihat, al-Kurdārī, *Manāqib*, 360-3; Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 261; Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 48. Teks wasiat ini telah selesai disunting dan diterjemahkan oleh Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. Lihat, Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis Waṣīyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samtī", *AFKAR* 18, Isu 2, (2016), 43-102.

¹⁸⁸ Lihat umpama, Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Adab-adab Guru

yang sepatutnya dan ia patut dikembangkan supaya guru boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada profesion keguruan bagi mencapai matlamat sistem pendidikan. Ia berteraskan pegangan dan nilai yang berkait dalaman dan luaran diri seseorang guru.¹⁸⁹ Elemen ini akan dianalisis secara mendalam berdasarkan pemikiran imam Abū Ḥanīfah. Berdasarkan analisis tersebut dalam disimpulkan terdapat tujuh kriteria penting berkait domain diri dalam adab guru menurut Abū Ḥanīfah. Ia adalah sebagaimana yang akan dikemukakan dalam perbincangan selepas ini.

1. Niat Dan Keikhlasan Dalam Belajar-Mengajar

Kriteria domain diri dalam adab guru yang pertama dan paling asas menurut Abū Ḥanīfah ialah berkaitan dengan persoalan niat dan keikhlasan dalam segala aktiviti, guru sebagai pelajar sepanjang hayat dan juga mereka menjalankan tugas mengajar. Sebagaimana persoalan niat ini merupakan perkara yang paling asas dan pokok dalam Islam, hal yang sama juga dengan pendidikan. Ia amat penting dan menjadi penentu kejayaan dan pencapaian matlamat pada akhir proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, adab yang pertama perlu difahami dan dihayati oleh para guru ialah niat yang ikhlas dan suci semata-mata kerana Allah. Bagi Abū Ḥanīfah, para guru bukan sahaja perlu mensucikan niat yang mewakili perihal batin dalam usaha pendidikan, bahkan mereka juga perlu mengambil perhatian terhadap penyucian zahir seperti tidak terlibat dengan perkara syubhah dan makanan yang tidak halal. Mengenai hal ini, beliau tegaskan “[Hendaklah] kamu mengikhhlaskan niatmu dalam semua urusanmu dan berusaha untuk mendapatkan makanan yang halal dalam semua keadaan”.¹⁹⁰

Menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, TAFHIM 7 (2014), 97-130; Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis Waṣīyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samī’ī”, AFKAR 18, Isu 2, (2016), 43-102.

¹⁸⁹ Bahagian Pendidikan Guru. *Standard Guru Malaysia*, 39.

¹⁹⁰ Teks *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnīhi Ḥammād* ini dipetik daripada suntingan terkini penulis yang diterbitkan dalam Jurnal Usuluddin. Lihat, Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdullah, “*Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnīhi Ḥammād*: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan”, *Jurnal Usuluddin* 41 (2015): 110.

Sebagai sandaran, Abū Ḥanīfah berpesan agar para murid beliau berpegang dengan lima hadith pilihan yang beliau saring daripada 50,000 hadith.¹⁹¹ Hadith pertama yang disarankan oleh Abū Ḥanīfah ialah hadith yang masyhur berkenaan dengan niat. Beliau menukilkan hadith tersebut yang bermaksud, “Hanya sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niatnya, dan sesungguhnya bagi seseorang itu apa yang dia niatkan”.¹⁹²

Hadith yang dinukilkan ini jelas membawa maksud bahawa setiap amalan atau perbuatan yang dilakukan oleh manusia adalah bergantung kepada niat mereka. Hadith ini juga menjelaskan balasan terhadap sesuatu perbuatan juga berkait rapat dengan niat yang ditujukan. Dalam konteks pesanan Abū Ḥanīfah ini, ia juga berkaitan dengan niat dalam segala aktiviti pendidikan, sama ada pengajaran mahupun pembelajaran. Hal ini menjelaskan betapa pentingnya niat dan keikhlasan dalam setiap amalan, lebih-lebih lagi amalan berkaitan menuntut ilmu yang boleh dikira sebagai amal yang terpuji.

2. Perhatian dalam mempertingkatkan amal ibadat

Kriteria kedua ialah bagi seorang guru, mereka hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan sentiasa berusaha meningkat amalan dan ibadat, untuk diri sendiri serta para pelajar mereka. Abū Ḥanīfah secara jelas berpesan kepada muridnya Abū Yūsuf supaya beliau sentiasa memperhatikan amal ibadahnya dan berusaha mencapai amalan yang berkualiti dan ikhlas. Tambahan pula, Abū Ḥanīfah menjelaskan bahawa aspek amalan dan kualitinya atau, dengan kata lain, amalan yang ikhlas dan terbaik itu juga adalah

¹⁹¹ Lima hadith tersebut antara lain menjelaskan tentang, pertama, berkenaan dengan niat, iaitu sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niatnya dan ganjaran amalan tersebut juga berdasarkan apa yang diniatkan. Hadith kedua berkaitan kesempurnaan Islam seseorang, iaitu dengan dia meninggalkan apa yang tidak berkaitan baginya. Hadith ketiga merujuk kepada kesempurnaan iman seseorang, iaitu dengan dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri. Hadith keempat berkaitan menjaga diri dan maruah daripada terlibat dengan perkara yang haram mahupun syubhah (diragui hukumnya), manakala hadith terakhir ialah tentang sifat orang Islam, yang mana mereka itu merupakan golongan yang menyelamatkan orang-orang Islam yang lain daripada [kejahatan] lidah dan tangannya.

¹⁹² *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Hammād*, 110. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Kitāb Bad'i al-Waḥy*, no. Hadith 1. Lihat, al-Bukhārī, “*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*”, 1.

antara tujuan pendidikan yang mesti difahami dan dihayati oleh para guru.¹⁹³ Al-Zarnūjī (m.620H/1223M) menukulkan bahawa Abū Ḥanīfah menegaskan “tidak ada ilmu melainkan untuk beramal dengannya”.¹⁹⁴ Dengan ini, amalan menjadi perhatian utama Abū Ḥanīfah. Merujuk kepada pesanan beliau pula, Abū Ḥanīfah pernah berkata kepada Abū Yūsuf:

Jangan kamu reda untuk dirimu dari segi ibadat melainkan [kamu melakukannya dengan] lebih banyak daripada ibadat yang dilakukan oleh orang lain dan saling berlumba-lumba [melakukan]nya (yata'āṭāhā). Maka orang awam, apabila mereka tidak melihat kamu melakukan ibadat dengan [jumlah] yang lebih banyak berbanding ibadat yang mereka lakukan, nescaya mereka beranggapan bahawa kamu kurang keinginan [dalam melakukan ibadah], dan juga mereka beranggapan bahawa ilmu kamu tidak memberi manfaat kepadamu melainkan [hanya] bermanfaat kepada mereka yang berada dalam kejahilan [sahaja].¹⁹⁵

Di sini Abū Ḥanīfah menyarankan kepada Abū Yūsuf supaya berusaha melakukan dan mempertingkatkan amal ibadat melebihi apa yang dilakukan oleh orang awam. Para guru patut memerhatikan amal ibadat mereka dan bermujahadah dalam persoalan ini kerana sekiranya mereka tidak memberi perhatian terhadap amalan, masyarakat mungkin akan berpandangan buruk terhadap mereka. Abū Ḥanīfah menjelaskan antaranya seperti, masyarakat akan menganggap mereka hanya mementingkan ilmu bukannya amalan; bahkan lebih teruk lagi, mereka akan menganggap bahawa ilmu

¹⁹³ Abū Ḥanīfah, al-Nu'mān bin Thābit, *al-'Ālim wa al-Muta'allim*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī, (Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 11; Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah*, 129-166. Mohd Anuar Mamat, *Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah*, 1-32.

¹⁹⁴ Burhān al-Din al-Zarnujī, *Ta'lim al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum*, Dirāsah wa Taḥqīq Muṣṭafā 'Ashūr (Būlāq: Kaherah, 1986), 32; dan Ismā'īl bin 'Uthmān bin Bakr bin Yūsuf al-Bazari, *Tafhīm al-Mutafahhim Sharḥ Ta'lim al-Muta'allim* (Daghastan: Dār al-Risālah, t.th.), 52.

¹⁹⁵ Teks *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf* ini penulis merujuk kepada edisi suntingan 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Maḥmūd. Abū Ḥanīfah, al-Nu'mān bin Thābit, *Waṣīyyah al-Imām Abī Ḥanīfah*, tahqīq 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Maḥmūd (al-Jamamizat: Maktabah al-Adab), 16.

mereka itu tidak memberi manfaat kerana tidak membuahkan amalan dan ibadat serta akhlak yang baik.

Tambahan lagi, Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa para guru ini adalah contoh kepada para pelajar dan orang awam yang lain. Jadi, aspek amalan dan kualiti amalan mereka akan memberi kesan kepada pelajar dan masyarakat kerana mereka dapat belajar dan mencontohnya. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah berkata:

Hendaklah kamu memperbanyakkan zikir kepada Allāh Ta'āla di hadapan manusia lain supaya mereka dapat mempelajarinya daripadamu, kamu juga hendaklah melazimkan sesuatu wirid bagi dirimu sejurus setelah melakukan solat dengan membaca al-Qur'ān, berzikir kepada Allāh Ta'āla, bersyukur kepada-Nya atas apa yang Dia telah berikan kepadamu daripada kesabaran dan juga apa yang Dia kurniakan kepadamu daripada [segala] kenikmatan. Hendaklah kamu memperuntukkan bagi dirimu berpuasa beberapa hari tertentu pada setiap bulan supaya orang lain juga mengikutimu.¹⁹⁶

Dalam petikan di atas, Abū Ḥanīfah berpesan kepada muridnya supaya sentiasa mengatasi orang awam dalam beribadat kepada Allāh, khasnya ibadat solat, zikir dan puasa supaya ia akan menjadi contoh ikutan kepada pelajar, rakan sejawat dan juga masyarakat awam.

Pada tempat lain Abū Ḥanīfah turut berpesan bahawa aspek amalan seperti zikir, selawat dan juga amalan wajib amat perlu diberi perhatian oleh para guru. Mereka sepatutnya melazimi zikir dan amalan tersebut untuk mendekati diri kepada Allah SWT serta dicontohi oleh masyarakat. Dalam wasiat Abū Ḥanīfah kepada anaknya Ḥammād, beliau menyebut,

"[Hendaklah] kamu memperbanyakkan zikir kepada Allah Ta'āla dan [sentiasa] berselawat ke atas Rasul-Nya *ṣallā Allāh 'alayhi wa sallam*. [Hendaklah] kamu [senantiasa] menyibukkan diri (membaca dan mengamalkan) penghulu (*sayyid al-*

¹⁹⁶ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 17.

istighfār)"¹⁹⁷

Merujuk kepada pesanan Abū Ḥanīfah kepada al-Samtī pula, hal yang sama juga ditekankan oleh Abū Ḥanīfah. Beliau berpesan kepada al-Samtī supaya sentiasa menjaga amal ibadat yang wajib khususnya solat dan melazimi perkara yang sunat terutamanya sedekah serta tidak bersikap bakhil. Hal ini kerana bakhil ini akan menzahirkan sikap yang tidak baik dan akan memberi kesan kepada persepsi pelajar dan masyarakat terhadap para guru. Abū Ḥanīfah mengatakan, "Hendaklah kamu menjaga solatmu, belanjakanlah [hartamu] untuk makananmu kerana sesungguhnya orang yang bakhil tidak akan mulia sama sekali (*ma sada bakhil qatt*)"¹⁹⁸

Demikianlah penekanan Abū Ḥanīfah terhadap amalan dan akhlak guru sebagai salah satu domain diri dalam adab yang perlu diberi perhatian. Hal ini selaras dengan pandangan beliau berkenaan tujuan pendidikan Islam dan betapa seseorang guru yang bertanggungjawab mengajar pelajar mencapai tujuan tersebut perlu menjadi contoh dan teladan kepada mereka. Berdasarkan dua adab di atas, Abū Ḥanīfah menjelaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran memerlukan keikhlasan yang mendalam dan ini akan tergambar pada amalan para guru yang terlibat dalam bidang tersebut. Keikhlasan ini akan menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu ibadat dan akan mendapat pahala berpanjangan. Dari sudut yang lain, mempertingkatkan amalan ini juga boleh dikaitkan dengan mempraktikkan apa yang diajar termasuk dalam hal akhlak dan kehidupan seharian agar ia dapat menampilkan suatu contoh langsung kepada pelajar khususnya dan masyarakat awam amnya.

3. Perancangan untuk diri sendiri

Kriteria domain diri dalam adab guru yang ketiga ialah

¹⁹⁷ *Waṣīyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Hammād*, 108.

¹⁹⁸ Teks *Waṣīyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samtī* ini dipetik daripada suntingan terkini penulis yang diterbitkan dalam Jurnal AFKAR. Lihat, Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis *Waṣīyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samtī*", AFKAR 18, Isu 2, (2016), 87.

berkaitan dengan pengurusan dan perancangan diri dan masa. Abū Ḥanīfah berpesan agar para guru bijak dan berhikmah dalam menguruskan diri dan masa (*Ḥusn al-tadbīr*) demi mengoptimumkan masa untuk pengajaran dan pembelajaran. Beliau menjelaskan hal ini dengan berkata, “[Hendaklah] kamu perelokkan pentadbiran (*tuḤsin al-tadbīr*) [terhadap] apa yang berada dalam gengaman kamu dengan rasa memadai (*istighnāʾ*) dengannya daripada [berharapkan] manusia [lain]”.¹⁹⁹

Aspek ini amat penting sebagai adab kepada para guru supaya mereka dapat merancang dengan baik dan melaksanakan tanggungjawab yang perlu. Selebihnya masa atau ruang yang ada boleh dimanfaatkan untuk mendalami ilmu pengetahuan. Dalam wasiat Abū Ḥanīfah kepada Abū Yūsuf, aspek perancangan ini turut diberi perhatian oleh Abū Ḥanīfah. Beliau menyarankan Abū Yūsuf tidak menghabiskan masa dengan perkara yang sebenarnya boleh diuruskan atau diselesaikan oleh orang yang lain. Sebagai contohnya, untuk tujuan membeli keperluan, hal ini juga boleh dikirim atau diserahkan kepada seseorang yang dipercayai. Abū Ḥanīfah berpesan:

Jangan kamu [pergi] membeli dan menjual sendirian, tetapi hendaklah kamu mengambil seorang budak suruhan yang baik (*ghulāman musliḤan*) yang akan membantu kesibukanmu dan kamu berharap kepadanya [untuk melaksanakan] urusanmu.²⁰⁰

Selain perkara tersebut hal-hal keagamaan yang dapat diuruskan oleh orang lain juga disarankan supaya meyerahkan urusan tersebut kepada pihak terbabit yang dipercayai mampu menyelesaikannya seperti hal berkaitan perkahwinan dan urusan jenazah. Hal ini akan menjamin perancangan dan pengurusan diri dan masa supaya ia dapat dimaksimumkan untuk pengajaran dan pembelajaran. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah berkata, “Serahlah urusan pernikahan, solat jenazah dan solat kedua-dua hari raya

¹⁹⁹ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnīhi Ḥammād*, 108.

²⁰⁰ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 17.

kepada khatib yang kamu percayainya".²⁰¹

Selain pesanan Abū Ḥanīfah kepada Abū Yūsuf dan Ḥammād, pesanan seperti ini juga beliau sampaikan kepada al-Samtī. Abū Ḥanīfah menjelaskan kepada al-Samtī secara khasnya dan kepada semua guru bahawa mereka perlu meluangkan sedikit masa untuk diri sendiri supaya beberapa keperluan terhadap diri, keluarga dan masyarakat dapat dilaksanakan. Beliau mencadangkan para guru mengambil sedikit masa untuk berkhalwat dan memikirkan tentang diri dan menyelesaikan segala keperluan yang tertangguh. Masa berkhalwat ini penting untuk para guru menyelesaikan tanggungjawab dan juga bermuhasabah. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah berkata, "Luangkanlah untuk dirimu suatu masa untuk kamu berkhalwat (*khulwatan*) yang dengannya kamu menyelesaikan keperluanmu".²⁰²

4. Perhatian aspek rohani

Kriteria yang seterusnya ialah perihal yang berkaitan kerohanian seseorang guru. Abū Ḥanīfah sangat menekankan para guru memberi perhatian aspek kerohanian ini di samping perihal zahir amalan ibadat sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Hal ini disebabkan proses pendidikan juga menekankan supaya guru yang lahir mempunyai adab dan amalan kerohanian yang tinggi. Aspek rohani ini amat ditekankan dalam pendidikan Islam sebagai tujuan kepada pendidikan dalam membentuk hamba Allah yang sebenar.

Abū Ḥanīfah menjelaskan bahawa seorang guru itu hendaklah sentiasa bersikap waspada dengan kehidupan dunia yang penuh dengan cabaran serta melalaikan. Mereka perlu sedar akan tanggungjawab menyampaikan ilmu yang menjadi amanah Allah kepada mereka. Abū Ḥanīfah mengingatkan kepada para guru melalui pesanan beliau kepada Abū Yūsuf bahawa semua perkara dan kelebihan yang diperolehi oleh seseorang merupakan amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Mengenai

²⁰¹ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 22.

²⁰² *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samtī*, 86.

hal ini, Abū Ḥanīfah berkata, “Janganlah kamu berasa tenang (terpesona) dengan [kehidupan] duniamu dan situasi yang kamu berada, kerana sesungguhnya Allah Ta’ala akan mempersoalkan kesemua perkara tersebut”.²⁰³

Pesanan di atas ini amat penting untuk dihayati oleh para guru supaya tujuan asas pendidikan Islam itu tercapai dengan jayanya, sama ada dalam proses pengajaran ataupun pembelajaran. Mengenai hal ini juga Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa menjadi adab kepada seseorang guru supaya berwaspada dengan masa dan sentiasa membayangkan kehadiran Allah SWT dalam setiap sisi kehidupan mereka. Mereka sepatutnya menyedari bahawa Allah sentiasa bersama mereka dan meletakkan diri mereka dengan kesedaran mendalam seolah-olah mereka sentiasa berada dalam perhatiannya. Abū Ḥanīfah menyebut:

Jadilah kamu dalam kalangan manusia yang [sentiasa] berwaspada (*Hadhr*) dan jadikanlah [keadaan] kamu di sisi Allah Ta’ala pada ketika sembunyi (*sirrika*) [itu sama] sepertimana [keadaan] kamu pada ketika terang-terangan (*‘alāniyyah*). Kamu juga tidak akan perolehi kebaikan (*wa lā tusliH*) ilmu itu melainkan setelah kamu menjadikan keadaan Allah [yang tidak mampu dilihat di dunia] seperti kamu dapat melihat-Nya (*sirrahu ka ‘alāniyyatahu*).²⁰⁴

Dalam petikan di atas jelas menunjukkan Abū Ḥanīfah menekankan bahawa para guru perlu berwaspada dan sedar dengan meletakkan diri mereka dalam perhatian Allah SWT sama ada berada dalam keadaan tersembunyi daripada pandangan orang lain atau bersama orang lain. Hal ini kerana pada sisi dan pandangan Allah SWT semuanya berada pada taraf yang sama kerana tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada pandangan-Nya. Tahap dan kualiti kerohanian sebeginilah yang dinyatakan oleh Abū Ḥanīfah dan beliau turut menjelaskan bahawa ilmu itu secara khasnya atau pendidikan itu secara amnya tidak membawa kemanfaatan yang

²⁰³ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 17-18.

²⁰⁴ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 17.

sebanar kepada para guru jika tahap dan kualiti ini belum tercapai. Inilah juga maqam ihsan dan menjadi tujuan utama ilmu tasawuf untuk membentuk pelajar, ilmuwan dan manusia amnya yang sedar dan menjadikan Allah itu hadir pada setiap gerak geri mereka dan walaupun secara zahir Allah SWT itu tidak mampu dilihat, namun kehadiran-Nya disedari oleh mereka.

Selain itu, antara aspek kerohanian yang lain ialah sifat *qanā'ah*, iaitu sentiasa berasa cukup dengan nikmat kurniaan Allah SWT. Perasaan dan sifat rohaniah ini akan mendorong para guru sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dan seterusnya menghalang daripada bersikap tamak dan keterlaluan dalam segenap aspek kehidupan. Abū Ḥanīfah secara jelas mementingkan aspek ini khasnya berkaitan dengan persoalan pangkat dan harta. Beliau berpesan secara khusus kepada Ḥammād supaya sentiasa berasa cukup dengan kurniaan Allah SWT berkaitan harta dan pangkat. Hal ini disebabkan dua perkara ini merupakan cabaran dan ujian kepada para guru dan manusia sepanjang zaman. Harta dan pangkat kedudukan mungkin akan memesongkan para guru daripada niat dan keikhlasan yang murni sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah mengatakan, “[Hendaklah] kamu berasa cukup (*taqna'*) dengan apa yang telah dikurniakan oleh Allah Ta'ālā kepada kamu daripada harta dan pangkat (*jāh*)”.²⁰⁵

Abū Ḥanīfah juga menyatakan bahawa para guru juga perlu menyeimbangkan antara sifat *al-khawf* dan *al-rajā'* dalam kehidupan dan semasa menjalankan tugas. Sifat *al-khawf* ini merujuk kepada perasaan takut terhadap Allah SWT dan *al-rajā'* pula merujuk kepada perasaan pengharapan terhadap Allah SWT. Takut akan segala azab dan dosa yang dilakukan dan dimensi *al-rajā'* pula pengharapan terhadap pengampunan Allah serta penerimaan segala amal ibadat yang dilakukan. Dengan wujudnya kedua-dua sifat ini para guru akan sentiasa bersangka baik terhadap Allah SWT dan segala yang telah diatur dan ditentukan oleh-Nya walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Abū Ḥanīfah

²⁰⁵ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*, 107.

menjelaskan hal ini dengan katanya:

[Hendaklah] kamu berada antara [sifat] *al-khawf* (takut) dan *al-rajā'* (penuh pengharapan) [kepada Allah] semasa kamu dalam keadaan sihat dan [hendaklah sebolehnya] kamu mati dalam keadaan bersangka baik (*Husn al-Zann*) terhadap Allah Ta'ālā serta melebihkan pengharapan (*al-rajā'*) [kepada-Nya] dan dengan hati yang sejahtera (*qalb salīm*).²⁰⁶

5. Menjaga maruah dan perlakuan

Kriteria domian diri dalam adab guru Abū Ḥanīfah seterusnya ialah menjaga maruah dan perlakuan. Aspek ini penting untuk dipraktikkan oleh para guru kerana mereka merupakan golongan terpelajar yang tentunya akan menjadi contoh kepada pelajar, mempengaruhi rakan sejawat dan juga masyarakat awam yang lain. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa mereka sangat perlu menjaga maruah dan perlakuan dalam setiap keadaan. Mereka tidak sepatutnya bersifat kedekut kerana sifat ini akan menjauhkan orang yang berkeperluan serta menyebabkan mereka dibenci atau dipertakutkan oleh masyarakat. Sebaliknya para guru sepatutnya menzahirkan kekayaan jiwa dan bersikap sederhana dalam setiap tindakan seperti dalam perihal pemakaian mereka digalakkan memakai pakaian putih yang menggambarkan amalan sunnah dan juga sebagai satu tanda mereka kurang cenderung serta tidak dipengaruhi oleh dunia.

Di samping itu, Abū Ḥanīfah turut mengingatkan kepada para guru supaya tidak bersikap tamak, tidak menghina orang lain, banyak berdusta dan menjadi orang yang bermuka-muka. Mereka sebaliknya perlu menjaga maruah diri dan tidak bersikap sedemikian demi kemuliaan ilmu yang mereka pelajari. Mengenai perihal menjaga maruah juga, Abū Ḥanīfah menyatakan para guru perlu memberi perhatian dalam setiap tindakan mereka. Sebagai contohnya, semasa berjalan mereka disarankan menzahirkan kerendahan diri dengan sentiasa memandang ke bawah, bukannya

²⁰⁶ *Ibid.* 110.

mendongak ke langit dengan penuh kemegahan dan kesombongan. Abū Ḥanīfah berkata:

Hendaklah kamu menjauhi [sifat] bakhil kerana sesungguhnya kelak seseorang akan membenci[mu] dengan sebabnya (sikap tersebut). Janganlah kamu menjadi seorang yang terlalu tamak, banyak berdusta dan orang yang bermuka-muka (*asHāb takhālīṭ*), bahkan hendaklah kamu menjaga maruahmu dalam segala urusan. Hendaklah kamu memakai pakaian yang berwarna putih dalam setiap keadaanmu, dan zahirkan kekayaan hati (*ghinā al-qalb*) sebagai suatu petanda (*mazhar*) dalam dirimu [iaitu] kurang cenderung kepada dunia. Hendaklah kamu zahirkan kekayaan jiwamu dan jangan kamu zahirkan kefaqiran daripada dirimu sekalipun kamu merupakan seorang yang faqir. Apabila kamu berjalan, janganlah menoleh ke kanan atau ke kiri, bahkan hendaklah kamu sentiasa memandang ke bumi (bawah).²⁰⁷

Selain itu, Abū Ḥanīfah juga menegaskan bahawa para guru hendaklah menghindarkan diri daripada banyak ketawa kerana ketawa yang keterlaluan akan mematikan hati seseorang. Beliau juga turut berpesan supaya para guru perlu menzahirkan sikap yang tenang dan tidak gopoh dalam percakapan ataupun tindakan. Sikap gopoh dalam tindakan ataupun percakapan akan membawa kepada kesilapan dalam bertindak dan berbicara. Hal ini tentunya akan menjejaskan imej dan maruah mereka.

Merujuk kepada kitab *al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim*, Abū Ḥanīfah juga menjelaskan kepentingan para murid khasnya dan guru amnya supaya tidak bersikap gopoh dalam belajar dan perlunya berusaha serta berhati-hati dalam memahami ilmu yang disampaikan. Kefahaman yang tidak mendalam akan membawa kepada kesilapan dalam penafsiran ilmu serta menjatuhkan maruah guru yang menyampaikan ilmu tersebut. Beliau dengan ini secara jelas berpesan kepada muridnya Abū Muṭīʿ al-Balkhī dengan katanya:

²⁰⁷ *Waṣīyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 20-21.

[Semoga] Allah memperelokkkan kamu (*aṣlaḤaka Allāh*), janganlah kamu gopoh [dalam belajar] dan [hendaklah] kamu berhati-hati (*tathabbata*) dalam mengemukakan pendapat (berfatwa). Jika kamu tidak bersetuju dengan sesuatu [perkara] yang saya terangkan kepada kamu, maka tanyalah [saya untuk mendapatkan] penjelasan jika kamu [seorang yang] ikhlas (*munāṣiḤan*). Berapa banyak (*farubba*) perkataan (*kalimah*) yang didengari oleh seseorang, maka dia membencinya, apabila diterangkan maknanya [yang sebenar] dia [terus] setuju dengannya. Jangan[lah] kamu menjadi seperti seseorang yang mendengar [sesuatu] perkataan, maka dia membencinya, kemudian dia [terus] merebut peluang (*yaḡhtanimuhā*) [tersebut] untuk mengaibkan [gurunya] seterusnya dia menyebarkan [hal itu] kepada [semua] manusia. Dia tidak [pula] berkata bahawa mungkin perkataan itu [mempunyai] penjelasan dan wajah (*wajh*) [tertentu], itulah keadilan dan saya [sebenarnya] tidak mengetahuinya, maka kenapa saya tidak bertanya [kepada] sahabat saya [itu] tentang penjelasannya, atau mungkin perkataan itu disebut [secara] tidak sengaja (*lam yata'ammad*). Justeru, saya mesti berhati-hati, tidak mencela dan tidak membuka keaiban (*ashīnahu*) sahabat saya sehingga saya [benar-benar] faham akan wajah [sebenar] kata-katanya (*wajh kalāmihi*).²⁰⁸

Menegaskan lagi perihal kepentingan sikap ini, Abū Ḥanīfah mengulangi beberapa kali bahawa para guru hendaklah berhati-hati dalam berbicara dan juga mengeluarkan pendapat.²⁰⁹ Kecuaian dalam bercakap, mengajar atau memberi pendapat akan menjatuhkan maruah guru dan yang lebih parah lagi akan mengundang kepada kekeliruan terhadap kefahaman itu sendiri. Abū Ḥanīfah seterusnya menunjukkan contoh yang terbaik dengan mempraktikkan sendiri apa yang beliau sarankan sebagai contoh kepada semua guru. Pengakuan ini disebut sendiri oleh murid beliau, Abū Muṭī' al-Balkhī

²⁰⁸ Teks *al-'Ālim wa al-Muta'allim* ini dipetik daripada suntingan terkini dalam buku yang telah diterbitkan oleh penulis. Lihat, Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-'Ālim wa al-Muta'allim*. (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2016), 304-305.

²⁰⁹ *Ibid.* 304.

bahawa seumur hidup beliau dan setakat pengalaman beliau belajar, bahawa Abū Ḥanīfahlah seorang guru yang *wara'* dan amat berhati-hati (*tathabbut*) dalam memberi pengajaran dan mengemukakan pendapat.²¹⁰

Selain itu, Abū Ḥanīfah juga menjelaskan bahawa para guru hendaklah bersikap sederhana dalam setiap tindakan supaya dengan ini maruah mereka terpelihara. Mengenai adab berbicara dan mengajar beliau menyarankan para guru menggunakan bahasa yang elok dengan nada suara yang sesuai. Beliau juga menyarankan para guru menjadikan kebiasaan mereka diam dan tenang dalam setiap pergerakan. Sifat ini juga akan menyerlahkan ketinggian maruah dan menunjukkan sifat keteguhan dalam diri seseorang guru. Beliau menjelaskan:

Apabila kamu berbicara, maka janganlah kamu meninggikan nada dan suaramu, kamu hendaklah menjadikan kebiasaan bagi dirimu diam dan tenang (*al-sukūn*) serta tidak banyak bergerak supaya terserlah di sisi manusia lain akan keteguhanmu (*thabātaka*).²¹¹

6. Mengelakkan dari pada perbuatan sia-sia

Kriteria domian diri dalam adab guru menurut Abū Ḥanīfah yang keenam ialah mereka perlu mengelakkan diri daripada perbuatan sia-sia. Abū Ḥanīfah menjelaskan bahawa para guru perlu memanfaatkan waktu yang ada dan mengelakkan daripada terlibat dengan perkara sia-sia dan tiada kaitan dengan profesion mereka. Dalam pesanan kepada Abū Yūsuf, Abū Ḥanīfah mengingatkan supaya beliau tidak terlibat banyaknya bermain, mengutuk orang lain dan membongkar atau mencari rahsia-rahsia orang lain. Kesemua hal ini, bukan sahaja perkara yang sia-sia malah sebahagiannya mengundang kepada dosa pula. Abū Ḥanīfah berkata:

²¹⁰ *Ibid.* 373.

²¹¹ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 17.

Janganlah kamu banyak bermain dan mencela [orang lain]. Janganlah kamu memilih rumahmu berhampiran dengan [kediaman] sultan, dan apa yang kamu lihat berkenaan jiranmu maka hendaklah kamu rahsiakannya, kerana sesungguhnya hal tersebut merupakan amanah. Jangan kamu membongkar rahsia-rahsia orang lain.²¹²

Manakala dalam wasiat Abū Ḥanīfah kepada anaknya Ḥammād, beliau juga berpesan supaya para guru cuba dan berusaha mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara yang tidak berfaedah yang diistilahkan sebagai *al-fuḍūl*.²¹³ Beliau seterusnya menukulkan dua hadith Nabi SAW untuk menguatkan lagi pendapatnya; pertama menjelaskan bahawa kesempurnaan Islam dan keimanan seseorang muslim itu apabila mereka meninggalkan sesuatu perkara atau perbuatan yang tidak ada kena mengena dengan dirinya sebagai muslim. Perkara tersebut tentunya perbuatan yang sia-sia yang tidak menyumbang kepada pertambahan ilmu pengetahuan mahupun kemahiran mereka. Nabi SAW bersabda yang bermaksud, “Daripada kesempurnaan Islam seseorang itu ialah dia meninggalkan apa yang tidak berkaitan baginya”.²¹⁴

Hadith kedua pula ialah berkaitan dengan larangan Nabi SAW terlibat dengan perkara yang haram dan juga *shubhah*. Hadith ini juga secara langsung menjelaskan bahawa seseorang muslim ditegah melakukan perkara yang sia-sia dan juga *shubhah* kerana tentunya perkara tersebut adalah haram dan diragui statusnya. Dengan mengelak diri daripada melakukan perkara ini akan meninggikan martabat dan kedudukan para guru di mata pelajar dan juga masyarakat. Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya [perkara] yang halal itu jelas, dan yang haram [juga] jelas. Antara kedua-duanya [terdapat] perkara yang

²¹² *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, 20.

²¹³ *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*, 108.

²¹⁴ Hadith diriwayatkan oleh al-Tarmidhī, *Kitāb al-Zuhd*, no. Hadith 2318, dan Ibn Mājah, *Kitāb al-Fitan*, no. Hadith 3976. Lihat, Muḥammad bin ‘Īsā al-Tarmidhī, “Jāmi’ al-Tirmidhī”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2000), 1585; Muḥammad bin Yazīd, “Sunan Ibn Mājah”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2000), 2715.

diragui (*shubhah*) yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Sesiapa yang menjaga daripada [terlibat dengan perkara] *shubhah* itu, maka suci agama dan maruahnya, dan sesiapa yang terlibat dengan *shubhah* maka [seolah-seolah] dia terlibat dengan [perkara] yang haram. [Hal ini] seumpama penternak yang menjaga ternakannya [daripada] memasuki kawasan larangan kerana hampir-hampir ia masuk ke dalamnya. Tidakkah bagi seorang raja itu [ada] kawasan larangannya, tidakkah kawasan larangan Allah adalah perkara yang diharamkan olehNya. Sesungguhnya dalam jasad [manusia] itu ada seketul daging; apabila baik maka baiklah seluruh jasadnya, sebaliknya apabila ia rosak maka rosaklah seluruh jasadnya, tidakkah ia adalah hati.²¹⁵

7. Senantiasa bersemangat

Kriteria domain diri yang terakhir ialah para guru hendaklah sentiasa bersemangat dalam menuntut ilmu dan juga mendidik para pelajar mereka. Mereka juga perlu memikirkan aspek peningkatan dalam bidang ilmu pengetahuan dan berusaha untuk terus bersemangat dalam mencari ilmu sebanyak mungkin. Dalam pesanan Abū Ḥanīfah kepada Ḥammād, beliau menegaskan bahawa tidak sepatutnya seseorang guru itu reda dan terus berada dalam kejahilan. Mereka sepatutnya berusaha membebaskan diri daripada kejahilan dan sentiasa bersedia untuk belajar. Abū Ḥanīfah berkata: "Janganlah kamu tetap berada dalam kejahilan [terhadap] perkara yang perlu kamu ketahuinya".²¹⁶

Untuk menjelaskan hal ini, Abū Ḥanīfah turut menegaskan bahawa bersikap putus asa, lemah semangat dan berhenti daripada belajar merupakan suatu perkara yang perlu dielakkan oleh para guru. Sikap tersebut bagi Abū Ḥanīfah seumpama berpaling daripada mengingati Allah dan mengundang kehidupan yang keluh kesah.²¹⁷

²¹⁵ Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Kitāb al-Īmān, no. Hadith 52, *ibid.*, 6.

²¹⁶ *aṣṣiyyah Abi Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*, 107.

²¹⁷ Al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib Abi Hanifah*, 372; al-Kurdarī, *Manāqib Abi Hanifah*, 367; Ibn Nujaym, *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir*, 430; al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 163; Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanifah*, 116.

Beliau berkata:

[Walaupun] sekiranya kamu hidup selama sepuluh tahun tanpa sebarang kerja dan makanan (*bi ghayr kasb wa lā qūt*), maka jangan kamu berpaling daripada ilmu (belajar) kerana sesungguhnya jika kamu berpaling daripadanya nescaya hidupmu akan sempit, [hal ini] berdasarkan firman Allah Ta'ālā: "Barangsiapa yang berpaling daripada mengingatiku maka sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit".²¹⁸

Semangat dalam mencari ilmu serta istiqamah merupakan perkara yang amat penting dan perlu diberi perhatian oleh para guru selaras dengan tugas ilmuwan yang sebenar menurut tradisi Islam. Hal ini amat penting supaya mereka menghayati falsafah ilmu dan pendidikan Islam yang mana ilmu dan pendidikan dalam kefahaman Islam ialah pendidikan dan pencarian ilmu sepanjang hayat. Abū Ḥanīfah sendiri mengakui bahawa dengan mempunyai semangat yang kental, beliau berjaya menjadi salah seorang ilmuwan terkemuka dan disegani ramai. Di samping semangat yang kental, beliau juga menyatakan bahawa untuk mencapai tahap keilmuan yang tinggi dan menjadi ilmuwan sebenar mereka perlu mengurangkan beberapa gangguan dalam menuntut ilmu.²¹⁹ Dua sifat ini amat penting kepada para ilmuwan untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran mereka. Semangat yang kental perlu ada pada seseorang ilmuwan supaya halangan dalam belajar dapat diatasi dengan baik. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah berpesan, "Hendaklah kamu menjadi orang yang [mempunyai] semangat yang teguh (*dhā himmah*), kerana sesungguhnya sesiapa yang lemah semangatnya, nescaya rendahlah kedudukannya".²²⁰

Selain itu, Abū Ḥanīfah juga menegaskan supaya guru bersemangat dan terkehadapan dalam mendidik para pelajar mereka. Mereka perlu membetulkan dan mendidik para pelajar

²¹⁸ Surah Ṭāhā (20): 124.

²¹⁹ Al-Makkī, *Manāqib*, 352.

²²⁰ Wasiyyah Abi Hanifah li Abi Yusuf . Al-Makkī, *Manāqib*, 372; al-Kurdari, *Manāqib*, 366; Ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 429–30; dan al-Tamīmī, *Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 162–3.

bermula dengan diri mereka sendiri terlebih dahulu. Hal ini kerana, jika semangat mendidik itu datang daripada diri sendiri ataupun dimulai dengan diri sendiri, ia akan memberi bekas dan kesan kepada diri pelajar, manakala ilmu tersebut kekal dan mampu dipertingkatkan serta menjadi pendorong kepada mereka untuk lebih bersemangat. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah berpesan kepada Yūsuf al-Samṭī dengan katanya:

Hendaklah kamu terkehadapan dalam membetulkan (*taqwimihim*) dan mendidik mereka (*ta'dibihim*) dengan dirimu sendiri, [kerana] sesungguhnya akan kekal perkara (ilmu) yang ada pada kamu dan juga [ia akan] menggalakkan kamu [untuk mendidik] (*ahibu laka*).²²¹

Penekanan Abū Ḥanīfah terhadap ilmu dan kefahaman yang mendalam merupakan antara tujuan utama pendidikan dalam Islam.²²² Bagaimana seseorang ilmuwan boleh menyampaikan pengajaran dengan baik jika mereka tidak mempunyai ilmu yang sempurna? Di samping itu, Abū Ḥanīfah menganggap belajar dan istiqamah dalam mencari ilmu itu menyamai zikir atau mengingat Allah. Ini kerana ilmu dan pencariannya akan mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah dan adalah sama seperti zikir dan ibadat. Oleh itu, mereka yang enggan mencari ilmu seolah-olah sama seperti mereka yang mengabaikan zikir dan enggan mengingat Allah dan ini akan mengundang kehidupan yang sempit. Bahkan dalam sebuah riwayat Abū Ḥanīfah pernah berpesan kepada Ibrāhīm bin Adham (m.162H/778M) supaya memberi perhatian terhadap pencarian ilmu, kerana ilmu umpama kepala kepada ibadat. Beliau mengatakan:

Wahai Ibrāhīm, sesungguhnya kamu diberi rezeki dengan ibadat yang soleh, maka jadikanlah ilmu sebagai perhatian kamu, sesungguhnya ilmu itu seumpama kepala dalam ibadat

²²¹ *Waṣīyah Abi Ḥanīfah Li Tilmīdhīhi Yūsuf Al-Samṭī*, 86.

²²² Lihat, Mohd Anuar, "Tujuan Pendidikan"; dan juga Mohd Anuar dan Wan Suhaimi, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran," 129–66; Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-'Alim wa al-Muta'allim*. (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2016).

dan akan membetulkan urusan kamu (iaitu kualiti amalan kamu).²²³

Jelas di sini bahawa penuntutan ilmu dan keistiqamahan dalam belajar merupakan adab yang perlu diberi perhatian oleh para guru. Hal ini menyamai suatu ibadat dan pencariannya merupakan penzahiran ingatan seseorang akan Allah dan penghampiran dirinya kepada-Nya. Tambahan lagi, jika dilihat dalam konteks semasa, perkembangan pesat ilmu dan kerencaman masalah yang dihadapi oleh ummah mendesak seseorang guru itu agar sentiasa berusaha menuntut pelbagai ilmu baharu dan kefahaman yang lebih komprehensif sesuai dengan tuntutan zaman.

Sebagai ringkasan daripada perbincangan di atas, terdapat tujuh kriteria domain diri dalam adab guru menurut Abū Ḥanīfah. Pertama, Mengikhhlaskan niat dalam belajar dan mengajar. Kedua, Memberi perhatian dalam mempertingkatkan amal ibadat dan ketakwaan dengan berzikir, bersolat jemaah, berpuasa sunat dan membaca al-Quran. Ketiga, Merancang secara bijak dalam menguruskan masa, mengelakkan urusan kurang penting, mengoptimumkan pembelajaran, dan muhasabah diri. Keempat, Menyedari diri diperhatikan Allah, merasai kecukupan dengan pemberian-Nya, menghayati *khauf* (takut) dan *rajā'* (harap) serta berbaik sangka terhadap-Nya. Kelima, Menjaga maruah dan perlakuan sebagai guru dengan melakukan perkara yang baik (kekayaan jiwa, kemas penampilan, menjaga pandangan, tenang, sabar, cekal, lapang dada dan berhati-hati ketika bercakap dan mengeluarkan pendapat) dan bersederhana dalam setiap urusan. Keenam, Mengelakkan daripada perbuatan buruk dan sia-sia (tamak, berdusta, bermuka-muka, banyak ketawa, gopoh, mencela, membuka rahsia dan aib, hadir di tempat yang tidak baik, dan melakukan apa jua perkara yang boleh membawa fitnah). Ketujuh, Sentiasa bersemangat dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru.

²²³ Al-Makkī, *Manāqib*, 350.

E. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, terdapat tujuh kriteria utama domain diri dalam adab guru yang digariskan oleh Imam Abū Ḥanīfah. Kriteria tersebut amat penting dan menyeluruh untuk diamalkan dan dihayati oleh para guru. Ia merangkumi elemen adab dalaman atau *bāṭiniyyah*, elemen praktikal atau *'amaliyyah* dan juga elemen adab apabila terlibat dan bergaul dengan orang lain. Inilah yang menjadi teras utama dalam adab guru dan juga etika profesion perguruan Islam. Domain diri dalam adab yang dikemukakan oleh Imam Abū Ḥanīfah ini jika diamalkan dan dilazimi oleh para guru masa kini pastinya akan menjamin diri mereka dihormati dan disegani seterusnya diiktiraf sebagai seorang guru yang sebenar. Selain itu, domain diri tersebut juga berpotensi untuk menyelesaikan permasalahan etika dan akhlak dalam kalangan guru dan pelajar dewasa ini. Se mua kriteria di atas sepatutnya diketengahkan sebagai asas dan model terbaik kepada etika profesion perguruan Islam supaya para guru pendidikan Islam dapat menghayati tugas, tanggungjawab dan peranan mereka sebagai guru dan sekaligus menjadi contoh ikutan kepada para pelajar serta masyarakat awam.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme*, Fasa 1/2015 (FP024-2015A). Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan, khususnya pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaya (UM).

Daftar Pustaka

- 'Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Sama'ānī. *al-Ansāb*, Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā (pynt.). (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998).
- 'Abd Allāh bin 'Adī al-Jurjānī. *al-Kāmil fi Du'afā' al-Rijāl*, Suhayl

- Zakkār (pynt.). (Beirut: Dār al-Fikr. 1988).
- ‘Alī Jalabī bin Amr Allāh Ibn Ḥannā’ī. *Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*, Sufyān ‘Āish & Firās bin Khalīl (pynt.). (Jordon: Dār Ibn al-Jawzi, 2003).
- Abdul Rahman Md. Aroff. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. (Serdang: UPM, 2008).
- Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya’qūb Isḥāq al-Nadīm. *al-Fihrist*. taḤqīq Yūsuf ‘Alī Ṭawīl. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996).
- Abu al-Wafā al-Qurashī, ‘Abd al-Qādir bin Abī al-Wafā Muḥammad bin Nuṣr Allāh bin Sālim. *al-Jawāhir al-Muḍīyyah fi Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. (Karachi: Miz Kutub Khanah Aram Bagh, t.t.).
- Abū Ḥanīfah, al-Nu’mān bin Thābit. *al-‘Ālim wa al-Muta’allim*. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (pnynt). (Miṣr: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001).
- Ahmad Sunawari Long. *Pengantar Falsafah*. (Selangor: Penerbit UKM, 2006).
- al-Albānī, Wahbī Sulaymān Ghāwījī. *Abū Ḥanīfah al-Nu’mān: Imām al-A’immah al-Fuqahā’*. (Dimashq: Dār al-Qalam, 1978).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Himpunan Risalah*. (Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS, 2015).
- al-Baghdādī al-Bābānī, Ismā’īl Bāshā. *Hadiyyah al-‘Ārifīn: Asmā’ al-Mu’allaḥīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn*. j.2. (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1955).
- al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. *Siyar al-A’lām al-Nubalā’*. Shu’ayb al-Arnout & Ḥusayn Asad (pnynt). c.11. j.6. (Beirut: Mu’assasah al-Risālah. 1996).
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. (Jeddah: Dar al-Minhaj. 2011).
- al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī. *al-Ta’rifāt*, ed. Muḥammad Bāsal ‘Uyūn al-Sawd. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 2000).
- al-Kurdarī, HāfiZ al-Dīn bin Muḥammad. *Manāqib Abī Ḥanīfah*. (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī. 1981).
- al-Makkī, al-Muwaffaq bin Aḥmad. *Manāqib Abī Ḥanīfah*. (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1981).
- al-Ṣaymarī, Abū ‘Abdillāh Ḥusayn bin ‘Alī. *Akhbār Abī Ḥanīfah wa*

- AṣḤābuh*, c.2. (T.T.P: 'Ālam al-Kutub. 1985).
- al-Tamīmī al-Dārī, Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir. *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fi Tarājum al-Hanafiyyah*. 'Abd al-FattāḤ MuḤammad al-Hilw (pnyt). (Riyad: Dār al-Rifa'ī. 1983).
- al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. *Ta'līm al-Muta'allim Ṭariq al-Ta'allum. MuṣṬafā 'Āshūr* (pnyT). (Būlāq: Kaherah. 1986).
- Aymān MuḤammad 'Abd al-'Azīz. *al-Turāth al-Tarbaawī fi al-Madhhab al-Hanafī*, (Iskandariyyah: Maktabah al-'Ilm wa al-Īmān. 2008).
- Bahagian Pendidikan Guru. *Standard Guru Malaysia*. (Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, 2009).
- Bertens. K. *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. (Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2003).
- Brockelmann, Carl. *Tārīkh al-Adab al-'Arabī*. MaḤmūd Fahmī Hījāzī (terj.). (Qaherah: Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb. 1993).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*, Edisi Ekonomi. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).
- Foo Say Fook. *Etika Perguruan Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 2005).
- Gunther, Sebastian. *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. (Leiden: Brill. 2005).
- Ḥājī Khalīfah, MuṣṬafā bin 'Abd Allāh. *Kashf al-Zunūn*. (Kaherah: Dār al-Fikr. 1982).
- Iblāgh, 'Ināyat Allāh. *al-Imām al-A'Zam Abū Ḥanīfah al-Mutakallim*. (T.T.P.: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1971).
- Ibn al-Hannā'ī, 'Alī Jalabī bin Amr Allāh bin 'Abd al-Qādir. *Ṭabaqāt al-Hanafiyyah*. Sufyān bin 'Āyish bin MuḤammad & Firās bin Khalīl Mash'al (pynt). ('Amman: Dār Ibn Jawzī, 2003).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhihi Yūsuf Al-Samtī*", *AFKAR* 18, Isu 2, (2016).
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Adab-adab

- Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, TAFHIM 7, (2014).
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Ḥanīfah dalam Kitab *al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim*", AFKAR 11, (2010).
- Mohd Anuar Mamat, "Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan", *Jurnal Usuluddin* 37, (2013).
- Mohd Anuar Mamat, Mohd Manawi Mohd Akib & Basri Husin, "Prinsip-Prinsip Ahl al-Sunnah dan al-Jamā'ah: Pengenalan Dan Terjemahan Melayu *Waṣīyyah* Imam Abū Ḥanīfah", AFKAR Khas, (2014).
- Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdullah, "*Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan", *Jurnal Usuluddin* 41, (2015).
- Mohd Anuar Mamat. *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim*. (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM. 2016).
- Muḥammad Abū Zahrah. *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuhū, wa ʿAṣruhū wa Ārāʾuhū wa Fiqhuhū*. (Kaherah: Dār al-Fikr al-ʿArabī, t.t.).
- Sezgin, Fuat. *Tārīkh al-Turāth al-ʿArabī*. Maḥmūd Fahmī Hījāzī (terj.). (T.T.P: Idārah al-Thāqafah wa al-Nashr bi al-Jāmiʿah. 1983).
- Sharifah Hayaati Ismail Al-Qudsy. *Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam*. (Kuala Lumpur: DBP. 2010).
- Yaḥyā Ḥasan ʿAlī Murād. *Ādāb al-ʿĀlim wa al-Mutaʿallim ʿinda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*. (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. 2003).
- Utusan Malaysia, "Kod Etika Perguruan Kita Sudah Profesional". 07 Mei 1995.
- Metro, "Guru tiada masa untuk keluarga". 21 Jun 2010,.
- Berita Harian, "Hukuman guru laku seks melampau ke atas dua murid kekal". 20 Julai 2011.
- Berita Harian, "Guru pukul murid hingga mati", 2012.
- Berita Harian, "Sikap guru punca ponteng", 20 September 2013.

Utusan, "*Guru warga Malaysia ditangkap menipu peniaga berlian di India*" 3 Januari 2013.

Sinar Harian, "*Guru ditangkap khalwat dalam semak*", 8 Mac 2013.

Malaysiakini, "*MARA siasat dakwaan pelajar hampir buta dirotan guru*", 21 Mei 2015.

Harian Metro, "*Guru dipenjara dua tahun kerana memiliki filem lucu dan menyebarkan gambar lucu serta palsu terhadap pemimpin negara*", 20 Julai 2016.

Berita Harian, "*Ustaz ditahan kes 3 pelajar tahfiz cedera dirotan*", 29 Julai 2016.

Utusan, "*Skim cepat kaya: 5 guru ditahan*", 6 Ogos 2016.